

21/10/2001

Doa, derma juga satu jihad

PAS membenarkan pengikut dan umat Islam di negara ini berjuang bersama tentera Taliban menentang Amerika Syarikat (AS). Kerajaan pula menganggap berjihad ke Afghanistan sebagai membuang masa, sedangkan umat Islam mempunyai tugas lebih besar di dalam negara untuk membangunkan kehidupan, apatah lagi tiada persiapan untuk melawan tentera Amerika yang serba canggih. Malah, kontroversi jihad terus berlarutan apabila ada segelintir rakyat Malaysia kononnya menggunakan laungan jihad untuk menumbangkan kerajaan. Wartawan Berita Minggu, Zainuddin Isa menemu bual Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, di bangunan Parlimen kelmarin bagi mendapatkan pandangannya.

SEBAGAI permulaan boleh Datuk berikan maksud atau tafsiran jihad?

Jihad mempunyai beberapa kategori. Mengikut huraian ulama, ada jihad untuk melawan nafsu, jihad melawan syaitan dan ada jihad untuk menentang musuh yang terdiri golongan kufur yang memerangi Islam. Ini dilakukan dengan senjata, kalau mereka menggunakan senjata.

Ada juga jihad menentang segala bentuk kezaliman, kemungkaran dan sebagainya. Itu beberapa kategori jihad. Jihad juga boleh dilakukan sama ada dengan penyertaan fizikal, walaupun membawa pengorbanan jiwa ataupun jihad melalui harta benda. Ada pula di kalangan ulama yang menghuraikan lebih luas pengertian jihad, dalam bentuk lisan, penulisan dan sebarang aktiviti yang boleh membawa kepada ketinggian Islam.

Ini adalah pengertian jihad sebagaimana dalam al-Quran dan juga hadis Rasulullah, termasuk riwayat ulama.

Ada yang menyatakan jihad zaman sekarang berbeza dengan zaman nabi dulu. Apa pandangan Datuk?

Dari segi konsep, ia tidak berbeza apa-apa kerana pada zaman Rasulullah, jihad berlaku dalam bentuk peperangan dan berlaku juga dalam bentuk pengorbanan harta benda. Bagi mereka yang tidak mampu keluar berperang, mereka membantu tentera yang akan keluar berperang dengan menyediakan bekalan makanan, kenderaan dan jihad mereka juga dalam bentuk menyampaikan dakwah. Ini berlaku pada zaman Rasulullah dan juga berlaku pada waktu ini.

Tapi konsep jihad sekarang seolah-olah dilihat kita mahu berperang, mengejar mati syahid melawan pegganas, tanpa kita terlebih dulu membina kehidupan. Maknanya ada tahap jihad lain sebelum keluar berperang?

Membina kehidupan itu satu tuntutan yang lain. Tapi berjihad untuk menghadapi musuh apalagi musuh itu sudah menyerang umat Islam, itu perkara yang lain... satu tuntutan yang lain yang tidak boleh dikait atau dihubungkan dengan kita hanya menunggu supaya kita maju, kita dapat mencapai satu tahap kehidupan (yang lebih selesa), barulah kita nak menolong saudara kita yang ditindas, saudara kita yang dibunuh.

Itu satu tanggapan yang salah dalam konteks jihad sebenarnya. Berjuang untuk meninggikan taraf hidup, membangunkan umat, itu satu aspek. Tapi, membantu saudara kita yang sedang dibunuh dan dizalimi, itu satu aspek lain. Kita tidak boleh menunggu sehingga menjadi kelompok yang maju, baru kita nak membantu orang lain.

Jadi, dalam kes jihad di Afghanistan, adakah ini juga dianggap jihad? Kita sebagai orang Islam, nabi kita menyatakan seorang muslim adalah saudara kepada seorang muslim yang lain, bermakna tidak boleh menghina saudaranya, tidak boleh menyerahkan saudaranya kepada musuh, tidak boleh menzalimi saudaranya itu.

Apa yang dialami rakyat Afghanistan yang menghadapi keganasan AS, mereka

menyeru semua umat Islam untuk membantu mereka menghadapi keganasan serangan AS. Ini menjadi kewajiban kepada umat Islam untuk membantu rakyat Afghanistan dalam apa bentuk yang mereka boleh beri.

Maknanya ini bukan pendirian Pas semata-mata. Ajaran Islam itu sendiri menghendakinya?

Ini ajaran Islam. Apa yang boleh kita beri. Kalau mereka yang mampu pergi untuk berjuang dengan tubuh badan mereka, umpamanya mereka berada di persempadanan dengan Afghanistan, mereka boleh berbuat demikian dan kita tidak boleh menghalang mereka. Cuma, dalam konteks peperangan sekarang, Amerika tidak menurunkan tenteranya untuk berperang, tapi ia mengebom Afghanistan dari luar. Ini lebih untuk memperkenalkan senjata modennya. Ini lebih ganas...lebih ganas dalam bentuk pertempuran fizikal.

Ada pendapat menyatakan jihad yang dilaungkan Pas ke Afghanistan adalah longgar kerana konsep berjihad kita berdepan dengan musuh. Tapi, di Afghanistan siapa yang hendak dilawan sedangkan tentera AS belum mara lagi?

(Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno pula berkata hasrat Pas yang ingin berjihad ke Afghanistan bersama Taliban menentang AS sebagai membuang masa).

Sekarang AS mahu menghantar tenteranya. Itu sebab pemimpin Taliban menyatakan peperangan baru nak bermula. Sekarang peperangan sebelah pihak. Mereka mengebom tanpa mengira tentera, tanpa mengira Taliban atau orang awam...ini satu keganasan yang mencerminkan tamadun ke-binatangan yang diamalkan Amerika.

Bagi mereka yang tidak mampu berperang, mereka boleh membantu, sama ada dengan memberi sumbangan dalam bentuk harta benda, sama ada dengan doa sebagaimana disebut ulama Yaman dalam satu Perhimpunan Ulama Yaman baru-baru ini menyatakan bagi umat Islam yang jauh, mereka boleh menyumbang jihad mereka dalam bentuk doa mereka, dalam bentuk munajat mereka kepada Allah supaya umat Islam di Afghanistan dapat menghadapi serangan ganas Amerika.

Semoga Amerika menerima pengajaran pahit dan dikalahkan seperti pernah dialami Soviet Union dan Britain dulu.

Sebab itu saya menyatakan pengertian jihad adalah luas. Ia terbuka kepada kapasiti, kebolehan dan keupayaan masing-masing dan kita tidak boleh mematikan semangat jihad kita. Jihad adalah untuk kebaikan dan kemuliaan. Dan jihad dalam Islam memang ada, dalam al-quran dan terbaca dalam hadis nabi ada ayat yang menggalakkan jihad. Bukan saja memfardukan, tapi merangsang. Jihad akan membawa kemuliaan dan kelebihan kepada umat Islam.

Pas hari ini membenarkan pengikutnya berjihad ke Afghanistan. Tapi, kalau nak berjihad kita mesti mengukur diri sendiri, dari segi persediaan dan kelengkapan senjata, maknanya tidak hanya pergi untuk menggadai nyawa?

Ini atas kapasiti masing-masing. Waktu Rasulullah mengerahkan sahabatnya dulu untuk keluar berjihad, Rasulullah tidak menentukan sahabatnya untuk mengukur diri sendiri. Tapi mereka sendiri yang menentukan apakah mereka sendiri boleh pergi atau tidak. Bagi mereka yang sakit dan ada keuzuran, mereka tidak pergi, tapi mereka menyertai jihad dengan doa mereka, dengan wang ringgit mereka.

Bagi mereka yang tidak mempunyai bekalan, tidak mempunyai keupayaan dari segi persediaan, mereka tidak pergi, tapi mereka boleh ikut berjihad melalui semangat, doa dan apa saja yang mereka boleh lakukan. Sebab itu pernah Rasulullah menyatakan dalam Perang Tabuk ada antara sahabat-sahabat kamu yang sebelum ini tidak pernah ketinggalan menyertai setiap peperangan, tapi kali ini mereka dihalang oleh keuzuran mereka.

Jadi, hati mereka tetap berperang kerana ingin untuk pergi berjihad bersama Rasulullah. Jadi, untuk menentukan keupayaan seseorang itu, orang

itu sendirilah yang akan menentukan dari segi keupayaan, semangat, keikhlasan dan juga dari segi persiapan.

Kita lihat tentera AS dengan senjata canggihnya, dibanding kita dari Malaysia terlalu jauh beza. Adakah cukup kita pergi dengan tangan kosong, ibarat mati katak?

Dulu pun ketika rakyat Afghanistan menghadapi Russia, Russia adalah 'super power' dunia dengan segala kelengkapan modennya. Tapi, umat Islam di Afghanistan dan mereka yang datang dari luar Afghanistan untuk membantu tentera Mujahidin dulu juga tidak mempunyai persiapan jika diibandingkan dengan persiapan dan kekuatan angkatan tentera Russia.

Akhirnya mereka berjaya dengan pertolongan Allah. Jadi, yang pertama untuk berjihad ini mesti ada keyakinan, iman itu sendiri. Saya fikir untuk kita nak menyatakan kekuatan tentera Amerika (itu hebat)...(biar) serang sajalah. Minta kepada tentera Afghanistan serah sajalah negara mereka itu kepada Amerika kerana Amerika super power yang terbesar sekarang, yang tunggal...kalau nak dilihat dari segi itulah.

Buat apa kita nak melawannya. Tapi Islam tidak mengajar begitu. Islam pernah menghadapi Rom, Parsi umpamanya, yang jauh lebih besar dengan kuasa yang ada di Madinah waktu itu. Ini yang kita katakan soal iman, soal komitmen, soal iltizam, persaudaraan Islam ini yang penting. Sebab itu kalau kita rakyat Malaysia kalau kita tidak mampu pergi bertempur dengan Amerika, dan Amerika pun mungkin berasa tidak mampu, sebab itu ia tidak menurunkan angkatan tenteranya, kita boleh membantu saudara kita di sana dengan cara lain.

Bukan dengan kita pergi begitu saja dan kita tidak tahu atau tidak pandai menggunakan senjata, apa lagi senjata yang serba canggih ini. Jadi, masing-masinglah yang menentukan kebolehan dalam menyahut seruan jihad yang diseru pemimpin Islam dan ulama Islam.

Ada yang menyatakan mengapa kita sibuk nak membantu negara lain sedangkan kita masih berjuang untuk membangunkan negara dan umat Islam?

Saya tidak bersetuju dengan pandangan itu.. macam pandangan Ketua Pengarah Ikim atau Pengerusi Majlis Fatwa yang menunggu negara kita diserang barulah kita bangun mempertahankan, ini tidak betul.

Ulama Islam serta ulama fuqahak menyatakan kalau seorang wanita Islam ditawan musuh dan untuk membebaskan wanita itu memerlukan penyertaan semua umat Islam, menjadi fardu ain kepada umat Islam itu untuk berjuang membebaskan wanita itu.

Sekarang apa yang berlaku di Afghanistan bukannya seorang wanita lagi...orang tua yang dibunuh, kanak-kanak, negara nak dihancurkan. Kita mesti membantu dengan apa saja yang kita miliki, yang kita boleh bantu. Jadi, daripada seluruh mufti yang ada di dunia ini, hanya pengerusi Majlis Fatwa saja yang memberi fatwa yang begitu bacul, yang tidak menggambarkan komitmen kepada Islam.

Adakah Datuk berkata fahaman sebegini menyempitkan konsep jihad?

Menyempit dan membunuh semangat jihad. Dan inilah secara tidak sedar, secara halus mereka cuba nak mempopularkan fahaman ajaran Qadiani yang membatalkan hukum jihad untuk menentang penjajahan Inggeris di India dulu. Dan inilah yang menyebabkan ulama Islam seluruh dunia mengeluarkan kaum Qadiani daripada agama Islam kerana mereka memberi fatwa membatalkan hukum jihad ketika umat Islam bangkit untuk menentang penjajahan Inggeris di India.

Jadi, pendapat pengerusi Majlis Fatwa ini secara halus cuba untuk melemahkan semangat jihad. Nak menunggu negara kita diserang, baru kita nak bangkit berjihad...tak betul. Kita mesti bantu seluruh saudara kita, tak kira di mana mereka berada. Di Afghanistan, negara ini sedang dizalimi kerana Amerika mendakwa nak menyerang apa yang dikatakan 'terrorist' atau pengganas. Tapi, tidak ada yang mereka boleh buktikan sampai hari ini.

Banyak orang mempertikaikan, bukan saja dalam negara Islam, tapi dunia Barat juga mempersoalkannya.

Mana bukti Amerika menuduh Osama Bin Laden terbabit dalam serangan 11 September, mana bukti Taliban terbabit, tiada bukti yang kukuh yang boleh diketengahkan di mahkamah dan ahli undang-undang kita di Malaysia ada juga memberikan pandangan sehingga hari ini Amerika masih tidak dapat mengemukakan bukti yang boleh diketengahkan di mahkamah antarabangsa. Jadi, secara rambang Amerika bukan saja menzalimi rakyat Afghanistan, tapi cuba menakutkan seluruh umat Islam di luar Afghanistan bahawa mereka saja yang berkuasa untuk menguasai dunia ini.

Dalam konteks Afghanistan, kita bukan saja menentang Amerika, tapi ada orang Islam sendiri yang mungkin perlu ditentang. Misalnya, kerajaan Islam Pakatan Utara yang didakwa membantu Amerika sebagai usaha mendirikan kerajaan baru kelak. Mereka juga orang Islam, jadi bagaimana kita nak menyatakan konsep jihad itu memerangi orang kufur seperti Datuk sebutkan awal tadi?

Soal pergi ini, saya fikir tidak berbangkit. Saya fikir tiada rakyat Malaysia yang akan bersedia pergi ke Afghanistan pada waktu ini untuk berperang. Pertama, kalau mereka pergi sendiri, mereka tidak boleh masuk ke Afghanistan. Untuk masuk ke Afghanistan sama ada melalui Pakistan, Iran, Uzbekistan, semua ini memerlukan peraturan yang saya tidak fikir kerajaan di negara itu akan membenarkan. Jadi, kemungkinan untuk pergi itu sangat tipis dan tidak timbul.

Keduanya, mengenai Pakatan Utara, itu mengecewakan kita kerana golongan ini yang terpinggir di Afghanistan dan cuba pula untuk membuat satu jenayah baru dengan bersekongkol dengan penjahat Amerika untuk menghancurkan negara mereka sendiri. Ini satu sikap yang tidak betul. Sebab itu saya menghargai sikap yang diambil Hekmateyar (pemimpin Hizbi-Islami). Walaupun ia bermusuhan dengan Taliban, tapi dalam konteks negara Afghanistan diserang Amerika, Hekmateyar bersedia untuk bekerjasama dengan Taliban menentang Amerika. Kita harus kenal golongan Pakatan Utara ini.

Golongan ini sekarang dikuasai oleh bekas kumpulan komunis. Rashid Dostum (seorang pemerintah tentera dalam Pakatan Utara) itu dulunya pemimpin komunis. Ini kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan Mujahidin dulu kerana mereka bersedia bekerjasama dengan kumpulan Rashid Dostum. Komunis yang membuat segala huru-hara di Afghanistan, yang mencabul wanita di negara itu.

Tapi kedua-dua belah pihak itu sekarang berjuang atas nama Islam, jadi yang mana harus Pas pilih kalau hendak berjihad di sana?

Siapa pun boleh menamakan...Pakatan Utara tidak berjuang atas nama Islam, mereka disertai oleh bekas kumpulan komunis dan digabungkan oleh pengikut satu kumpulan yang sudah pun disingkir dari bumi Afghanistan, iaitu saki-baki Ahmad Shah Masood. Ahmad Shah Masood memang seorang pejuang yang kita sanjung, dihormati, dia tidak pernah ditewaskan dalam mana-mana pertempuran dengan Russia dulu.

Tapi, kumpulan Rashid Dostum yang disokong negara komunis Russia, termasuk bekas wilayah takluk Russia seperti Uzbekistan. Jadi, mereka yang membantu gerakan Rashid Dostum ini kerana mereka ini saki baki komunis Russia walaupun mereka dikatakan bebas daripada Russia, tapi mereka masih mendukung komunisme dalam negara mereka. Jadi, kumpulan Mujahidin yang dulunya bekerjasama dengan Rashid Dostum inilah yang terseret dengan kuasa komunis di Utara Afghanistan hari ini.

Jadi, kita sangat kesal dengan sikap ini kerana sikap ini tidak pernah diambil oleh mana-mana kumpulan Islam yang memihak kepada musuh untuk menghancurkan negara sendiri. Sebab itu kumpulan Pakatan Utara ini saya anggap sebagai satu kumpulan yang mengkhianati Afghanistan, yang mengambil

kesempatan serangan Amerika dan cuba menjadi alat kepada Amerika untuk menghancurkan Afghanistan.

Tadi Datuk menyatakan sukar rakyat Malaysia pergi berjihad di Afghanistan. Jadi adakah pendirian Pas sebelum ini menyokong pe-ngikutnya pergi ke negara itu sudah ditangguhkan atau ada pendirian terbaru?

Tidak ada, tidak timbul soal menyokong... soal membenar. Cuma kita menyatakan kita tidak menghalang kalau ada rakyat Malaysia, sama ada Pas atau mana-mana pihak, kalau nak pergi berjihad, kita tidak menghalang kerana itu hak mereka. Kalau niat mereka suci, niat mereka baik, kalau mereka gugur, mereka gugur syahid. Niat mereka mempertahankan Islam, niat mereka itu baik.

(Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa baru-baru ini dipetik sebagai berkata Pas membenarkan ahlinya berjuang bersama puak Taliban selepas parti itu mengisytiharkan peperangan menentang Amerika sebagai jihad)

Laungan jihad di Malaysia menyebabkan keresahan dan hari ini kerajaan mendakwa tindakan Pas menyokong jihad dilihat boleh mengancam keselamatan negara. Adakah konsep jihad hari ini sudah dipesongkan sebagai cara untuk menggulingkan pemerintah?

Di mana...dalam konteks mana? Itu tidak sah. Itu tuduhan Umno, tuduhan yang liar. Kita tidak pernah menyokong mana-mana kumpulan yang hendak menggunakan kekerasan untuk mengambil alih kuasa, kita tidak pernah menyokong. Kita Pas, kita konsisten bahawa perubahan kuasa dalam negara mesti melalui proses pilihan raya. Ini pendirian kita. Sebab itulah kita mengambil bahagian dalam pilihan raya, kita tidak pernah menyokong mana-mana kumpulan ekstremis dalam negara kita.

(END)